

19 DEC 1998

Abdullah-Umno

UMNO PERLUKAN ANGGOTA YANG IKHLAS, KATA PAK LAH

IPOH, 19 Dis (Bernama) -- Umno yang menjadi tunggak kekuatan kerajaan Barisan Nasional memerlukan anggota parti yang ikhlas kerana sebarang tindakan berlawanan dengan perjuangan parti akan menjadikannya lemah dan tidak dihormati, kata Naib Presidennya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

"Kita mahu supaya orang Umno berjuang kerana Umno. Kita tidak mahu nama sahaja Umno tapi mengambil tindakan mengecam sendiri pemimpin sehingga ke tahap menghina," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Malam Keluarga Ipoh Barat di sini malam tadi.

Beliau yang juga Menteri Luar bagaimanapun berkata bukan mudah untuk mengenalpasti anggota yang tidak ikhlas itu dan menegaskan adalah lebih mudah menghadapi tentangan itu dari luar.

"Kalau nak menentang biar dari luar (Umno) kerana lebih senang untuk kita menghadapi mereka dari luar," katanya.

Beliau berkata anggota Umno bertanggungjawab menjadikan parti itu kuat dan dihormati supaya perjuangannya terus signifikan di alaf akan datang.

Menurutnya, nama Umno dan bangsa Melayu kini telah terkenal di serata dunia hasil perjuangan parti itu memartabatkan bangsa dan negara sejak sekian lama.

"Kita tidak mahu kehadiran kita (Melayu dan Umno) di mata dunia dikaitkan dengan kemunduran, kemiskinan, lemah akal dan dari segi ekonominya meleset," katanya.

Mengenai penyelesaian beberapa masalah dengan Singapura, Abdullah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya Goh Chok Tong telah mencapai kata sepakat mengenai perkara itu dan pegawai-pegawai kedua negara akan berbincang secepat mungkin.

"Biarlah perbincangan benar-benar berhasil dan kita harap dalam perbincangan itu akan ada permuafakatan," katanya.

Antara isu yang akan dibincangkan adalah bekalan air ke Singapura, pusat kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ), tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar dan projek pembangunan bersama.

Mengenai rakyat Malaysia di Iraq yang kini sedang diserang Amerika Syarikat dan Britain, beliau berkata belum ada sebab untuk memanggil mereka pulang.

"Tetapi jika ada yang ingin balik, kita akan memberi bantuan seperti mana yang pernah dilakukan sebelum ini (ketika Iraq dibom pada pada tahun 1991)," katanya.

-- BERNAMA

HJ RHM